

THOMSON OSTEOPRO CAPSULE

Glucosamine Sulfate (300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *THOMSON OSTEOPRO*
2. Bagaimana *THOMSON OSTEOPRO* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*
4. Cara menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*
5. Semasa menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *THOMSON OSTEOPRO*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *THOMSON OSTEOPRO*

THOMSON OSTEOPRO digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis. Osteoarthritis adalah kesakitan yang disebabkan oleh rawan (pelincir sendi) yang berkurangan akibat usia meningkat.

Bagaimana *THOMSON OSTEOPRO* berfungsi

Glucosamine merupakan komponen semulajadi yang diperlukan untuk membentuk rawan sendi. Walaubagaimanapun, kemampuan badan untuk menghasilkan tulang rawan semakin berkurangan apabila usia semakin meningkat. Glucosamine dipercayai dapat meningkatkan kandungan rawan sendi.

Sebelum menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Anda tidak boleh mengambil sekiranya anda mempunyai alahan kepada glucosamine atau komponen komponennya

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *THOMSON OSTEOPRO* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *THOMSON OSTEOPRO* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum menggunakan THOMSON OSTEOPRO*

Perlu merujuk kepada doktor untuk pastikan tiada sebarang penyakit sendi lain yang perlu dirawat dengan ubat yang berlainan

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*

- *Berapa banyak harus digunakan*

2 kapsul, 2 kali sehari selepas makan

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *THOMSON OSTEOPRO*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *THOMSON OSTEOPRO* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini tidak akan mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau

mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *THOMSON OSTEOPRO* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang dilaporkan: sakit kepala, keletihan, loya, sakit perut, senak, cirit-birit, sembelit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam → *Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *THOMSON OSTEOPRO*

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan simpan melebihi suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih, kapsul daripada tumbuhan yang mengandungi serbuk putih atau putih kekuningan

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap kapsul mengandungi 300mg *fully reacted* Glucosamine Sulfate

- Bahan tidak aktif
Microcrystalline Cellulose,
Magnesium Stearate

- Nombor MAL
MAL06091460X

Pengilang

Herbal Revival Sdn Bhd
No 5 & 7, Jalan TSB 6, Taman Industri
Sg Buloh, 47000 Sg Buloh Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Herbal Revival Sdn Bhd
No 5 & 7, Jalan TSB 6, Taman Industri
Sg Buloh, 47000 Sg Buloh Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

14/05/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140518/00146